



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**AGENCI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA**  
**ZON MARITIM KUDAT**  
Jabatan Perdana Menteri  
Jalan Lintas, 89050 KUDAT  
SABAH



Tel : 088-611858  
Faks : 088-611860

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : *APMM.KDT.UKK.100-2/1/1 (12)*  
Tarikh : *2 September 2018*

## SIARAN MEDIA

### SEBUAH BOT NELAYAN DENGAN 12 AWAK-AWAK VIETNAM DITAHAN APMM

KUDAT, 2 September - Tindakan 12 nelayan warga Vietnam mengaut hasil laut negara menggunakan bot nelayan membawa padah apabila ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) di kedudukan sekitar 27 Batu Nautika Barat Laut dari Tanjung Simpang Mengayau, Kudat di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 12.30 tengahari itu, semua individu berusia antara 23 hingga 53 tahun ditahan bersama sebuah bot nelayan selepas didapati lesen bot dan lesen perikanan bot meragukan.

Pengarah Zon Maritim Kudat, Komander Maritim Boon Chin Chau berkata, sebuah bot ronda Maritim Malaysia yang sedang dalam penugasan Op Pluto Timur terus diaturgerak ke lokasi kejadian selepas Pusat Operasi Maritim Kudat menerima maklumat berkaitan kehadiran bot yang disyaki bot nelayan asing sedang melakukan aktiviti menangkap ikan di perairan Malaysia.

Beliau berkata, "sejurus tiba di lokasi kejadian, didapati bot terbabit mempunyai reka bentuk fizikal bot nelayan Vietnam tetapi mempunyai nombor pendaftaran nelayan tempatan serta mengibarkan bendera Malaysia. Hasil pemeriksaan mendapati 12 awak-awak termasuk tekong merupakan warga Vietnam. Kesemua mereka memiliki dokumen pengenalan diri, lesen bot dan lesen perikanan tetapi meragukan".

Bot dan awak-awak ditahan dan diiring ke Jeti Awam Kudat untuk diserahkan kepada Pegawai Penyiasat untuk siasatan lanjut. Kes disiasat dibawah Akta Perikanan 1985 atas kesalahan memiliki dokumen yang meragukan, jelasnya.

"Pihak Maritim Malaysia akan terus meningkatkan lagi rondaan dan penguatkuasaan dari semasa ke semasa bagi membanteras dan mengurangkan pelanggaran undang-undang di Zon Maritim Malaysia. Orang ramai juga dinasihatkan untuk menghubungi Malaysian Emergency Respond System (MERS 999) atau Pusat Operasi Maritim Kudat di talian 088-611858 jika mempunyai sebarang maklumat berhubung jenayah atau kejadian kemalangan yang berlaku di perairan negara." katanya lagi.

**- TAMAT -**

---

Dikeluarkan oleh Unit Komunikasi Korporat Zon Maritim Kudat

Sebarang pertanyaan, sila hubungi :  
**LK I (M) Mohamad Shahril Bin Abdul Hadi**  
Pegawai Perhubungan Awam Maritim Malaysia,  
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia,  
Zon Maritim Kudat.  
Tel : 088611858 / 0139804313  
Emel : mohamadshahril@mmea.gov.my